

Reformasi Parlimen Malaysia : Adakah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Demokratik?

Mohammad Fakhrurrazi
Intern
fakhrurrazi.unimas@gmail.com

1.0 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen berpandukan kepada konsep *Westminster*. Namun begitu, unsur-unsur demokrasi dalam Parlimen semakin terhakis di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN), dimana Parlimen telah hilang peranan menyelia kuasa eksekutif dan undur sebagai mesin melulus rang undang-undang sahaja.


Kejayaan pihak pembangkang meningkatkan jumlah kerusi di Dewan rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan ke-13 telah memperkuuhkan tuntutan mereformasikan parlimen. Namun, usaha reformasi parlimen Malaysia masih tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat sambutan positif daripada parti pemerintah. Kerajaan terus menggunakan kuasa mereka di parlimen bagi mentadbir negara tanpa penyeliaan serta penglibatan ahli parlimen dalam isu negara adalah lemah. Kekurangan ini dapat dilihat dengan kelemahan yang terdapat dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang menjadikan Parlimen sebagai *Rubber Stamp*.



Peraturan Mesyuarat merupakan panduan penting dalam mengendalikan perbahasan, proses meluluskan undang-undang, pertanyaan dan hak ahli majlis mesyuarat. Penentuan dan tindak-tanduk sesebuah parlimen juga berpaut pada isi kandungan peraturan mesyuarat. Walau bagaimanapun, mempunyai peraturan mesyuarat tidak memadai untuk mengukur sesuatu kesempurnaan parlimen yang demokratik, tetapi isi kandungannya memainkan faktor penting untuk mempraktikkan kuasa bagi menyemak dan mengimbangi

pihak kerajaan. Oleh itu, isi kandungan peraturan mesyuarat mengawal setiap perjalanan parlimen. Sekiranya peraturan tersebut lemah, maka fungsi parlimen itu sendiri tidak berfungsi secara demokratik.

Kerajaan telah berjaya mengawal fungsi dan perjalanan Dewan Rakyat dengan mengubah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dari masa ke semasa. Namun, reformasi parlimen di Malaysia masih kurang membincangkan peraturan mesyuarat yang merupakan manual penting dalam menentukan proses dan perjalanan parlimen. Oleh itu, usaha dalam meneliti dan meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat penting dalam merealisasikan agenda reformasi parlimen secara komprehensif.



2.0 Perbandingan *Standing Order* Parlimen Britain dan India


2.1 Jawatankuasa Pemilihan (Select Committee)

Terdapat lima Jawatankuasa Pilihan mengikut peraturan 76 hingga 88A Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara merupakan jawatankuasa yang aktif kerana mempunyai tugas utama dalam menyemak dan meneliti segala kewangan negara berdasarkan kelulusan parlimen. Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tidak memperuntukkan Jawatankuasa Pilihan mengikut kementerian dan portfolio menteri kabinet.

Berbeza dengan *House of Commons* United Kingdom (UK) yang memberi kuasa melalui peraturan 152 untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pilihan bagi menyelia setiap kementerian kerajaan. Jawatankuasa mengikut kementerian ini menguatkan lagi mekanisme parlimen sebagai badan semak dan imbang. Golongan profesional dan pakar penyelidik yang mahir dalam sesuatu bidang juga terlibat dalam jawatankuasa di parlimen Britain melalui peraturan 152 (4).

Di parlimen India iaitu Lok Sabha, jawatankuasa pilihan mengikut kementerian kerajaan juga terdapat dalam peraturan mesyuarat. Setakat ini, Lok Sabha mempunyai 24 jawatankuasa pilihan mengikut kementerian kerajaan. Fungsi jawatankuasa ini sama dengan jawatankuasa pilihan UK iaitu sebagai badan membincangkan dasar kerajaan atau undang-undang secara

terperinci. Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa Jawatankuasa pilihan di *House of Commons* dan Lok Sabha lebih kompleks serta mempunyai jumlah yang banyak.



Jadual 2: Perbezaan Jawatankuasa Pemilihan (Select Committee) berdasarkan peraturan mesyuarat atau standing order parlimen Malaysia, Britain dan India

Jawatankuasa pilihan di parlimen Britain dan India juga ditubuh berdasarkan isu-isu penting. Contohnya, *House of Commons* mempunyai Jawatankuasa Wanita dan Kesamarataan (*Women and Equality Committee*) dan Lok Sabha pula mempunyai Jawatankuasa Pemerkasaan Wanita (*Women Empowerment Committee*) bagi membahaskan isu-isu atau undang-undang yang menyentuh tentang hak wanita. Jawatankuasa mengenai isu-isu penting ini ditubuhkan berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan oleh *standing order* parlimen.

2.2 Rang Undang-undang Ahli Pesendirian

Peraturan 49 (2) memberi kuasa kepada Setiausaha Dewan Rakyat menolak sebarang Rang Undang-undang pesendirian yang bercanggah dengan peraturan mesyuarat dan perlombagaan persekutuan. Rang Undang-undang persendirian mesti mendapat sokongan daripada pihak menteri yang berkenaan atau menteri yang dilantik oleh Speaker Dewan sebelum membuat bacaan kedua berdasarkan peraturan 49(4).

Amalan ini berbeza dengan *House of Commons* di Britain yang memberi peluang kepada ahli parlimen mengemukakan usul Rang Undang-undang persendirian di parlimen. SO 14 (9) memperuntukkan 13 hari Jumaat untuk usul private bill. Terdapat satu slot iaitu *Ten Minutes Rules Ballot Box*, membenarkan ahli parlimen memperkenalkan Rang Undang-undang persendirian mereka bagi mendapatkan sokongan daripada ahli parlimen berdasarkan SO 23. Ahli parlimen di Britain mempunyai kebebasan untuk mengusulkan private bill di parlimen.

Di India, ahli parlimen Lok Sabha turut diberikan hak dan ruang untuk membentangkan atau mengusulkan Rang Undang-undang persendirian di parlimen. Peranan ini seperti yang telah diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat Lok Sabha yang menetapkan setiap hari Jumaat

dikhususkan kepada ahli parliment untuk membentangkan Rang Undang-undang persendirian di parliment. Walau bagaimanapun, untuk meluluskan Rang Undang-undang persendirian di Lok Sabha bukanlah satu perkara yang mudah kerana tidak semua usul tersebut pada akhirnya dijadikan sebagai undang-undang. Setakat ini, sebanyak 14 Rang Undang-undang persendirian telah diluluskan di Lok Sabha semenjak tahun 1970 berbanding dengan Dewan Rakyat tanpa membentang atau melulus sebarang Rang Undang Pesendirian.

2.3 Soal Jawab dan Pertanyaan

Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat berdasarkan 23 (1) menetapkan syarat soalan yang ingin diajukan oleh ahli parliment. Peraturan 23 (2), Speaker mempunyai kuasa untuk menolak sebarang soalan, terutamanya yang mempunyai hubung kait dengan perkara yang terdapat dalam Akta Hasutan 1948. Peraturan di Lok Sabha mempunyai persamaan dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Peraturan 41 (2) Lok Sabha menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi untuk mengajukan pertanyaan. Syarat yang ditetapkan ini adalah untuk mengawal pertanyaan ahli parliment dalam menyal pihak kerajaan dengan memberi limitasi dalam kandungan soalan. Speaker Lok Sabha boleh menolak pertanyaan ahli parliment sekiranya melanggar syarat-syarat tersebut melalui peraturan 43 (1).

Di *House of Commons*, peraturan mengenai pertanyaan semasa sesi soal jawab tidak memberi limitasi kepada jenis soalan yang diajukan. *Standing Order House of Commons* lebih mengutamakan tanggungjawab menteri untuk menjawab pertanyaan mengikut peruntukan 22 (5). Ahli parliment yang membuat pertanyaan boleh menetapkan tarikh dan masa untuk menteri menjawab soalan tersebut di kertas yang dihantar kepada Speaker. Perkara ini berbeza dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang melindungi pihak eksekutif dalam menjawab soalan. Menteri atau Timbalan Menteri mempunyai hak untuk tidak menjawab sebarang pertanyaan demi menjaga kepentingan orang awam dengan kebenaran Speaker Dewan Rakyat mengikut peraturan 23 (4).

Dewan Rakyat	House of Commons	Lok Sabha
Peraturan 23 (1) syarat-syarat partanyaan.	Tidak mempunyai syarat-syarat spesifik mengenai pertanyaan	SO 41 (2) menetapkan syarat-syarat isi kandungan pertanyaan
Peraturan 23 (2) a Speaker menolak soalan melanggar Akta Hasutan 1948		SO 43 (2) Speaker menolak pertanyaan yang melanggar peraturan SO 41 (2)
SO 23 (4) Menteri boleh untuk tidak menjawab soalan untuk faedah rakyat	SO 22 (5) Menteri menjawab soalan mengikut tarikh ahli parliment yang bertanya	

Jadual 4: Perbezaan amalan pertanyaan dan sesi soal jawab berdasarkan peraturan mesyuarat atau standing order parliment Malaysia, Britain dan India

2.4 Pengiktirafan kepada pihak pembangkang

Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 4A tentang pelantikan Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat Lok Sabha mengiktiraf Ketua Pembangkang (*Official Leader of Opposition*) bertaraf menteri dan diberikan ruang dan masa yang lebih banyak dalam sesi soal jawab di Lok Sabha. Peraturan 14(2) dalam *Standing Order House of Commons* memberi hak kepada pihak pembangkang untuk menentukan agenda parliment selama 20 hari yang dikenali sebagai '*Opposition Day*'. Pihak pembangkang boleh menentukan agenda dan isu yang ingin dibangkitkan di parliment. Kebiasaannya, pihak pembangkang akan membangkitkan isu mengenai dasar kerajaan dan masalah pentadbiran kementerian kerajaan. Selain peruntukan hari untuk pembangkang, Ketua pembangkang dalam *House of Commons* diberikan keutamaan dalam sesi soal jawab dengan memberi laluan kepada ketua pembangkang untuk bertanyakan soalan tambahan kepada Perdana Menteri.

Dewan Rakyat	House of Commons	Lok Sabha
Peraturan 4A pelantikan Ketua Pembangkang	SO 14 (2) 20 hari 'Opposition Day'	Official Leader of Opposition di Lok Sabha
Ketua Pembangkang tidak bertaraf menteri	Ketua Pembangkang bertaraf menteri dan kedua tertinggi selepas Perdana Menteri	Ketua Pembangkang bertaraf menteri
	Diberikan keutamaan dalam sesi soal jawab	Diberikan Keutamaan dalam sesi soal jawab

Jadual 5: *Perbezaan amalan mengiktiraf pihak pembangkang berdasarkan peraturan mesyuarat atau standing order parliment Malaysia, Britain dan India*


House of Commons juga memberi peruntukan sebanyak 35 hari kepada ahli parliment *backbenchers*' bagi menentukan agenda parliment. Ahli parliment *backbencher* ini diberikan 27 hari bagi mereka menentukan agenda mereka di parliment dan selebihnya diberikan peruntukan masa dalam mesyuarat di *Westminster Hall*. Agenda ahli parliment *backbenchers* ini di tentukan sendiri oleh *Backbenchers Business Committee*. Oleh itu, pihak eksekutif bukan satu-satunya pihak yang menentukan agenda parliment, tetapi turut memberi kuasa kepada ahli parliment untuk menentukan isu berbangkit di parliment.

2.5 Kesan Kelemahan Peraturan Mesyuarat Dalam Proses Meluluskan Rang Undang-Undang

Parti pemerintah telah menggunakan sebaik mungkin Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk memudahkan urusan mereka dalam meluluskan rang undang-undang. Proses ini dilakukan dalam jangka waktu dan hari yang singkat. Jadual di bawah menunjukkan jumlah rang undang-undang paling banyak diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam masa sehari, dari tahun 1949 hingga 2012. Graf di bawah menunjukkan bahawa pihak kerajaan persekutuan mempunyai kapisiti untuk meluluskan rang undang-undang yang banyak dalam masa sehari. Data ini berdasarkan sumber rujukan daripada *Panduan Indeks Tarikh Perbahasan Rang*

Undang-Undang Malaysia dan Indeks Tarikh Perbahasan Pindaan Rang Undang-Undang dari Tahun 1949 hingga 2010. Secara umumnya, rang undang-undang ini akan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada tarikh bacaan kedua


RUU Paling Banyak Diluluskan Sehari Mengikut Tahun 1949 – 1969



Jadual 6

Jadual 6 menunjukkan bahawa pada tahun 1965, sebanyak 28 rang undang-undang diluluskan dalam masa sehari. Jumlah rang undang-undang yang banyak diluluskan dalam tempoh sehari menunjukkan bahawa proses untuk meluluskan undang-undang di Dewan Rakyat tidak begitu kompleks. Parlimen telah meluluskan sebanyak 21 rang undang-undang pada tahun 1953 dalam tempoh satu hari. Pada tahun 1967 mempunyai jumlah yang sama dengan tahun 1953 iaitu sebanyak 22 rang undang-undang.

RUU Paling Banyak Diluluskan Sehari Mengikut Tahun 1971– 1991




Jadual 7

Jadual 7 menunjukkan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh sehari dalam tahun 1971 hingga 1991. Tempoh dalam jadual di atas selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 dan pergantungan parlimen untuk bersidang. Pada tahun 1973, sebanyak 23 rang undang-undang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh sehari. Terdapat penurunan dari segi jumlah rang undang-undang yang diluluskan selepas

tahun 1973, hanya terdapat kurang daripada 10 rang undang-undang yang diluluskan dalam sehari.

RUU Paling Banyak Diluluskan Sehari Mengikut Tahun 1992 – 2012



Jadual 8

Penurunan terhadap jumlah rang undang-undang yang diluluskan dalam tempoh sehari berlaku secara konsisten bermula pada tahun 1974. Pada tahun 1992 hingga 2012, rang undang-undang paling banyak diluluskan dalam masa sehari tidak melebihi daripada 10 rang undang-undang. Tahun 2009, Dewan Rakyat telah meluluskan sembilan rang undang-undang dalam sehari manakala pada tahun 2012 pula, lapan rang undang-undang.

Jelas menunjukkan bahawa parliment Malaysia bersifat ‘rubber stamp’ kerana fungsinya hanya tertumpu kepada proses meluluskan undang-undang tanpa semakan dan penelitian daripada ahli parliment. Oleh hal yang demikian, isu-isu mengenai kandungan Peraturan Mesyuarat ini menjadi perkara pokok dalam melakukan reformasi parliment. Setiap perkara yang dilaksanakan oleh menteri kabinet di parliment dikira ‘sah’ atas kebenaran Peraturan Mesyuarat walaupun banyak permasalahan yang timbul dalam proses parliment.

3.0 Reformasi ‘Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat’

Peraturan Meysuarat Dewan Rakyat ialah yang telah diguna pakai oleh Majlis Persekutuan 1909, iaitu sebuah badan perundangan yang menjadi asas kepada institusi berparlimen Malaysia. Majlis Persekutuan telah berhenti berfungsi semasa Perang Dunia Kedua. Pengembalian pihak British menubuhkan Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1948 telah meluluskan sebuah ordinan, iaitu *Legislative Council (Privileges and Powers) Ordinance 1948* untuk menguruskan perjalanan parliment ketika itu. Ordinan ini menyentuh tentang hak dan kebebasan ahli majlis parliment. Pada awalnya, *Act of Parliament South Africa 1911* telah digunakan oleh Majlis Perundangan untuk menguruskan perjalanan majlis parliment. Lepas itu, *Legislative Council (Privileges and Powers) Ordinance 1952* telah diluluskan untuk menjamin kebebasan ahli parliment untuk bersuara di parliment berdasarkan amalan *House of Commons di Britain*.

Tetapi, tidak semua peraturan dalam ordinan tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Perundangan Malaya ketika itu. Pihak kerajaan telah mengolah beberapa peraturan mesyuarat majlis untuk menyesuaikannya dengan keadaan politik Malaya. Peraturan mesyuarat telah diolah berdasarkan kehendak kerajaan mengawal beberapa kebebasan ahli majlis dalam mengeluarkan pandangan dan hujah di majlis.

Pada tahun 1959, Tun Abdul Razak membentangkan sebuah draft *Standing Order and Rules* di Dewan Rakyat. Walau draft tersebut mendapat beberapa kritikan daripada ahli parlimen tetapi ia masih diluluskan. Draf itu masih berpandukan *Legislative Council (Privileges and Powers) Ordinance 1952* yang dipinda sebanyak dua kali, terutamanya pada tahun 1998 apabila ordinan ini ditukar kepada Akta 347.

Secara umumnya, peraturan mesyuarat ini tidak mengalami pindaan yang substantif. Walau pun berlakunya beberapa kali pindaan terhadap peraturan mesyuarat Dewan Rakyat, tetapi pindaan tersebut cuma melemahkan lagi fungsi parlimen Malaysia daripada memperkasakan fungsi Parlimen. Contohnya, pindaan peraturan mesyuarat Dewan Rakyat pada tahun 1998 hanya membenarkan ahli parlimen mengemukakan 10 soalan lisan dengan hanya 40 perkataan berbanding peraturan mesyuarat pada tahun 1972 yang membenarkan 20 soalan lisan dikemukakan oleh ahli parlimen. Usaha untuk mengkaji dan meminda semula peraturan mesyuarat penting dalam membentuk sebuah parlimen yang berfungsi untuk menyelia urus tadbir menteri kabinet.

Situasi ini berbeza dengan amalan di *House of Commons* di mana Standing Order mereka setiasa disemak dan dipinda demi memperkasakan unsur-unsur demokrasi. *Standing order* parlimen Britain akan dipinda pada awal persidangan parlimen dan sebanyak 33 kali sejak tahun 1998. Perbincangan mengenai perbezaan peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dengan parlimen Britain dan India membuktikan bahawa peraturan mesyuarat Malaysia masih bersifat statik dan tidak mengalami pindaan mengikut peredaran masa dan keperluan semasa. Oleh hal yang demikian, pindaan dan semak semula peraturan mesyuarat Dewan Rakyat merupakan sebuah makanisme untuk memperkuuhkan lagi agenda reformasi parlimen.

Terdapat beberapa cadangan untuk mengkaji semula peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dalam kajian ini. Pertama, penubuhan sebuah jawatankuasa khas atau dikenali sebagai ‘Jawatankuasa Khas Modernisasi atau Reformasi Parlimen’ bagi membincangkan mengenai usul reformasi parlimen dengan lebih spesifik. Salah satu aspek untuk dibincangkan ialah pindaan terhadap peraturan mesyuarat dan perjalanan peraturan parlimen yang lebih terbuka, berkesan dan demokratik. Cadangan penubuhan jawatankuasa ini diletakkan kerana perbincangan mengenai reformasi parlimen lebih efektif sekiranya berlaku perbincangan dalaman antara ahli parlimen sendiri untuk melaksanakan reformasi parlimen.

Dalam mereformasikan ‘Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat’, terdapat beberapa cadangan lain untuk melaksanakan reformasi ini iaitu:

- a. Menggunakan sepenuhnya peranan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Ahli parlimen membuat usul rang pindaan peraturan mesyuarat dengan meminda peraturan yang lemah. Pindaan peraturan mesyuarat ini lebih baik

dilakukan pada awal persidangan parlimen Malaysia dan amalan ini dilaksanakan secara aktif.

- b. Menggembalikan semula beberapa akta untuk membentuk sebuah parlimen yang bebas seperti Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dan mengkaji semula pemeriksaan Akta 347. Undang-undang seperti ini menggembalikan pemeriksaan parlimen dan meletakkan garis pemisah yang jelas antara pihak eksekutif dan perundangan dalam menjalankan tugas mereka.
- c. Memandangkan pihak Parlimen dan pemerintah tidak minat mengkaji kepentingan dan cara pemeriksaan Parlimen, maka mendapat sokongan dalam bentuk gerakan atau penyelidikan daripada masyarakat sivil adalah penting.
- d. Memperkuuhkan lagi program dan pendidikan kepada masyarakat akar umbi dalam menimbulkan kesedaran tentang sistem demokrasi berparlimen

4.0 Kesimpulan

Kelemahan-kelemahan dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat telah menghalang proses meliberalisasikan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Hasilnya, institusi ini sekali lagi gagal menyemak dan mengimbangi kerajaan persekutuan. Reformasi parlimen melalui pindaan dan kajian mengenai peraturan mesyuarat Dewan Rakyat mampu memperkuuhkan struktur serta perjalanan parlimen lebih demokratik. Tidak mempunyai sebab yang kukuh untuk tidak bertindak sekian rupa memandangkan tuntutan ‘reformasi parlimen’ ini telah ditekankan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin sendiri.

Penyelidikan ini mengakui ada banyak lagi aspek-aspek yang boleh dibincang dalam rombakan Peraturan Mesyuarat seperti menjadikan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara hanya dibuka kepada ahli parlimen pembangkang dan menambahkan hari mesyuarat. Perkara-perkara terpilih diungkitkan bertujuan memulakan perbincangan mengenai kepentingan kajian terhadap peraturan dan meningkatkan perhatian terhadap unsur-unsur yang masih belum disentuh oleh ahli-ahli parlimen.

Secara kesimpulanya, Parlimen perlu diperkasakan secepat mungkin demi kepentingan negara dan rakyat, dan Parlimen yang demokrasi dan kuat akan dapat memulakan rombakan institusi-instansi negara.

About REFSA

REFSA is a progressive, not-for-profit research institute that provides relevant and reliable information on social, economic and political issues affecting Malaysians. We aim to promote open and constructive discussions that result in effective policies and good governance.

To this end, REFSA has been publishing books and organizing workshops and talks. We are now expanding to include focus papers on policy issues, such as this one. These will clearly set out facts and issues and, more importantly, suggest solutions, all in a style that is easily understood by Malaysians from all walks of life.

Donations and Contact

REFSA depends primarily on donations to fund its operations. Research such as this consumes much time, expertise and effort. Please contribute if you share our vision for a better Malaysia and support our commitment to impartial, constructive research.

Please visit our website at www.refsa.org. For enquiries, book orders, or to make a donation, please contact info@refsa.org. You may also bank in donations directly to our Public Bank account number 3128- 1874-30 under "Research for Social Advancement Bhd".

Credit

REFSA allows authorship of derivative works and other transformations of this publication for personal, non-profit/non-commercial use, subject to the inclusion of proper and appropriate credit to "*REFSA - Research for Social Advancement*". REFSA expressly prohibits the use of the whole or any part of this publication for defamatory or criminal purposes.

Other Information

The information in this report has been obtained from and is based upon sources that are believed to be reliable but no guarantee is made as to accuracy and completeness. REFSA in its role as editor and publisher of this report provided input mainly pertaining to clarity and analytical cogency. The contents and views herein remain the sole responsibility of the author unless otherwise explicitly stated.